



# KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

# SIARAN MEDIA

MOD.100/2/1/2 JLD 6 (2) 04/01

## LAWATAN RASMI TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN KE KAWASAN OPERASI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA DI PANTAI TIMUR SABAH

**TAWAU, 24 Januari 2024** - Timbalan Menteri Pertahanan YB Adly Zahari telah memulakan lawatan kerja selama 5 hari bermula semalam ke Kawasan Operasi di kawasan Pantai Timur Sabah dan kem-kem serta pangkalan tentera Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Tujuan utama lawatan ini adalah bagi meninjau pelaksanaan projek-projek dibawah MINDEF dan ATM serta kawasan pengoperasian yang dilaksanakan oleh ATM melibatkan Kawalan Sempadan Negara di Sabah-Sarawak-Kalimatan dan Kerjasama *Trilateral Cooperation Arrangement* (TCA) yang telah dilaksanakan oleh Malaysia, Filipina dan Indonesia.

YB Adly bin Zahari telah melawat Markas Angkatan Tugas Bersama 2 (ATB 2) dan menerima taklimat oleh Komander Angkatan Tugas Bersama 2, yang melibatkan pos-pos kawalan pengoperasian OPERASI PASIR (OP PASIR) yang dikoordinasikan oleh Markas ATB 2. Beliau juga telah ditaklimatkan oleh Pengarah *Malaysia Maritime Command Centre* berkenaan TCA iaitu kerjasama sub serantau antara Malaysia, Filipina dan Indonesia bertujuan menjalankan rondaan, memberi bantuan segera kepada orang dan kapal yang memerlukan, serta mewujudkan *hotline* komunikasi untuk memudahkan koordinasi semasa situasi kecemasan dan ancaman keselamatan di *Area of Maritime Interest* (AMI) melibatkan kawasan Laut Sulu dan Laut Sulawesi. Kedua-dua operasi ini adalah selari dengan fokus pertama dan kelima yang digariskan oleh Menteri Pertahanan pada 9 Januari 2024, iaitu bagi memastikan sistem pertahanan negara sentiasa dalam keadaan bersedia dalam memelihara keamanan sejagat, keselamatan dan kedaulatan Malaysia.

Semasa lawatan beliau di Markas ATB 2, YB Adly turut membuat lawatan ke kawasan tapak projek Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) ATB 2 di Kem Kukusan yang sedang dilaksanakan pembinaan sebanyak 144 unit rumah. Pembinaan RKAT ATB 2 ini telah bermula pada awal September 2021 dan dijangka siap pada Julai 2024 tahun ini. Pemantauan projek yang berterusan adalah penting bagi memastikan objektif untuk menyediakan kemudahan kepada anggota ATM dapat dicapai dalam tempoh yang ditetapkan. Ianya selaras dengan fokus ketiga Kementerian untuk memelihara kemaslahatan dan kebajikan anggota. Antara projek pembangunan MINDEF yang sedang dilaksanakan di pantai timur Sabah adalah:

- Pembinaan Kem Tentera Darat di Felda Sahabat, Lahad Datu
- Naiktaraf Pagar Keselamatan, Pangkalan KD Sri Semporna
- Pembinaan Jeti Mawilla 2, Sandakan Sabah
- Pembinaan RKAT Tambahan Pelbagai Kelas Kem Kabota, Tawau (187 unit)

YB Adly bin Zahari juga turut melaksanakan tinjauan di beberapa kawasan pos pengoperasian OP PASIR Selatan iaitu Pulau Danawan, Pulau Sipadan, Kapalai dan Pangkalan Laut Tun Sharifah Rodziah, bagi melihat sendiri pengoperasian dan kebajikan anggota-anggota ATM yang menjalankan tugas di pos-pos kawalan dan pangkalan hadapan sempadan negara. Beliau seterusnya membuat lawatan ke Pos Tanduo, Lahat Datu dan Markas ESSCOM. Beliau mengambil peluang ini untuk menyantuni dan beramah mesra dengan pegawai serta anggota bagi mendengar dan mendekati permasalahan yang mereka hadapi semasa sedang bertugas jauh dari keluarga.

Turut hadir semasa lawatan tersebut adalah Ketua Staf Markas Angkatan Bersama, Mejaz Jeneral Dato' Hj. Fazal bin Hj. Abdul Rahman; Komander Angkatan Tugas Bersama 2, Brigedier Jeneral Wan Edenin bin Wan Mahsin; Pengarah Malaysia Maritime Command Centre, Komander Shahnaz bin Abas TLDM dan Pegawai Memerintah Batalion Keempat Belas Rejimen Askar Melayu Diraja, Lettenan Kolonel Azllan bin Zainul serta pegawai dan anggota Sri Wangsa, Semporna, Sabah.

-TAMAT-

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

---

**Kementerian Pertahanan Malaysia**

**24 Januari 2024**